



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

09 JANUARI 2021

1. PDRM lengkap kertas siasatan
2. Terima laporan baharu setiap hari

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN PENILAIAN VETERINAR
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

Isu kartel daging import

PDRM lengkap kertas siasatan

Laporan kes dikemas kini sebelum dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara

Oleh Safeek Affendy Razali
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Polis Diraja Malaysia (PDRM) sedang melengkapkan kertas siasatan berhubung kes penyeludupan daging yang didakwa dikuasai kartel membabitkan pemalsuan logo di negara ini.

Pada masa ini, siasatan kes berkenaan sedang dikemas kini sebelum dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara untuk tindakan susulan.

Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Acryl Sani Abdullah Sani, berkata sejak menerima banyak laporan berhubung kes berkenaan, proses siasatan masih diteruskan sehingga kini.

"Pada masa ini kita merekodkan pertambahan laporan polis dari semasa ke semasa termasuk laporan baharu diterima hampir

setiap hari.

"Kita (polis) membuka kertas siasatan mengikut Seksyen 505(b) Kanun Keseksaan kerana menyebabkan ketakutan dan kegenteran orang awam," katanya selepas melancarkan Buku Sejarah Penubuhan Briged Tengah dan Batalion 4, 5, 6 dan 19 serta Pasukan Gerakan Am (PGA) Cheras, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam Bukit Aman, Datuk Seri Abdul Rahim Jaafar serta Komander Briged Tengah PGA, Senior Asisten Komisioner Muhammad Abdul Halim.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Huzir Mohamed, berkata setakat ini pihaknya sudah menerima 71 laporan polis dari seluruh negara.

KARTEL DAGING IMPORT

Terima laporan baharu setiap hari

Kuala Lumpur: Polis menerima beberapa laporan polis baharu berkaitan kes penyeludupan daging yang didakwa dikuasai kartel dan membabitkan pemalsuan logo di negara ini.

Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Acryl Sani Abdullah Sani berkata, proses siasatan masih diteruskan sehingga kini.

Beliau berkata, pihaknya merekodkan pertambahan laporan polis berkaitan kes itu dan laporan baharu diterima hampir setiap hari.

"Kami (polis) membuka kertas siasatan mengikut Seksyen 505(b), Kanun Keseksan kerana menyebabkan ketakutan dan kegenteran orang awam.

"Ia (kertas siasatan) masih dalam proses disiapkan dan sedang mengumpul keterangan untuk dirujuk kepada Peguam Negara," katanya selepas melancarkan Buku Sejarah Penubuhan Briged Tengah dan Batalion 4,5,6 serta 19 Pa-

sukan Gera-
kan Am
(PGA) di
PGA
Cheras
di sini,

semalam.

Turut hadir, Pengarah Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam Bukit Aman, Datuk Seri Abdul Rahim Jaafar dan Komander Briged Tengah PGA Senior Asisten Komisioner Muhammad Abdul Halim.

Ditanya mengenai tindakan PDRM susulan peningkatan mendadak kes jangkitan Covid-19, Acryl Sani berkata, semua kontinjen di seluruh negara sudah diarahkan meningkatkan pemantauan prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Pasukan pematuhan diketuai PDRM dari semasa ke semasa meningkatkan tindakan. Sebagai contoh, polis Kelantan baru-baru ini mengeluarkan kompaun kepada individu yang terbabit aktiviti pesta air.

"Tindakan itu diluaskan kepada semua kontinjen terbabit bukan saja pesta air bahkan apa juga sambutan

membabitkan perhimpunan yang isu penjarakan fizikal menjadi masalah utama," katanya.

Laporan
baharu kartel daging
diterima hampir
setiap hari